

**Penggabungan MAS-AirAsia Mampu Kurangkan Kos Operasi - Awang Adek Bernama
29 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Penggabungan MAS-AirAsia mampu mengurangkan kos operasi kedua-dua syarikat penerbangan itu terutama dari segi latihan dan catering, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussein.

Beliau berkata pihak kementerian telahpun mengadakan pertemuan dengan pengurusan MAS yang memberi jaminan kepentingan pekerjaanya akan terpelihara, selain memastikan matlamat untuk meningkatkan kewangan MAS dapat dicapai.

Awang Adek menegaskan demikian malam ini semasa menggulung perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong bagi kementerian itu di persidangan Dewan Rakyat di sini Rabu.

Beliau berkata malah pihak pengurusan MAS telahpun menandatangani perjanjian bersama (CA) dengan kesatuan sekerjanya mengenai kenaikan gaji para pekerjaanya sebanyak lima peratus walaupun MAS rugi.

Menyentuh dakwaan bahawa pembahagian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dibuat oleh parti politik, Awang Adek berkata ini tidak benar. Pengagihan itu adalah urusan kerajaan 100 peratus.

Bagaimanapun kerajaan tidak menghalang mana-mana pemimpin masyarakat untuk hadir membantu menyerahkan sumbangan, asalkan ia disertai pegawai kerajaan dan pegawai dari institusi perbankan, katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655599>